



Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)
• disunting oleh: Mohd Shukari Hamzah, Khazri Osman, Moktar Hussain, Suhaila Zailani
@ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Hakim Zainal, & Zainuddin Ismail • © Unit Bahasa
Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi • ISBN 978-967-
5478-49-9 • <http://www.ukm.my/uba/sebar2012/prosiding.htm>

PENGGUNAAN STRATEGI PEMBELAJARAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB: KAJIAN DI PUSAT ASASI UIAM

Mastura binti Arshad
Dr. Kaseh binti Abu Bakar

amastura@iium.edu.my
Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam, UKM

ABSTRAK

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada disertasi yang masih dalam kajian. Kajian ini bertujuan meneroka penggunaan strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di kalangan 163 orang pelajar Melayu Jurusan Bahasa Arab (BAR) dan Ilmu Wahyu (IRK) Pusat Asasi UIAM. Kerangka konseptual kajian ini telah dibina berasaskan teori strategi pembelajaran bahasa dan strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang terbahagi kepada strategi di dalam kelas, strategi penggunaan media, strategi penyertaan aktiviti ko-kurikulum, strategi bersama rakan dan strategi pembelajaran sendiri (personal). Dapatan kajian menunjukkan tahap penggunaan strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di kalangan pelajar adalah sederhana. Item strategi yang paling kerap digunakan pelajar ialah strategi berdoa agar dipermudahkan pertuturan bahasa Arab. Kumpulan strategi yang paling kerap digunakan pelajar ialah strategi bertutur di dalam kelas. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan strategi penggunaan media dan strategi personal dengan pencapaian kemahiran bahasa. Hasil kajian ini diharap dapat memberikan impak positif dan menyumbang terhadap aspek pedagogi bahasa Arab khususnya di IPTA.

PENDAHULUAN

Bagi meningkatkan kemahiran berbahasa, setiap pelajar mestilah mempunyai strategi tertentu untuk mencapai kejayaan. Menurut Oxford (1990) Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) ialah “tindakan-tindakan tertentu yang diambil oleh pelajar untuk menjadikan pembelajaran lebih mudah, lebih cepat, lebih menyeronokkan, lebih berbentuk sendiri, lebih efektif dan lebih mudah disesuaikan kepada situasi baru” ataupun definisi teknikalnya ialah “perlakuan, langkah, operasi atau teknik yang diambil oleh pelajar untuk memudahkan pemerolehan, penyimpanan, pemerolehan semula dan penggunaan maklumat.

Penggunaan strategi amat penting, lebih-lebih lagi dalam pembelajaran bahasa kerana ia merupakan alat untuk penglibatan sendiri yang aktif seperti yang ditegaskan oleh O' Malley dan Chamot (1990) “ *strategies are tools for active, self directed involvement for second language communicative ability*”. Penggunaan strategi yang bersesuaian juga akan meningkatkan kemahiran bahasa dan meningkatkan keyakinan diri (Oxford 1990).

Lessard-Clouston (1997) menyatakan bahawa SPB telah menyumbang kepada perkembangan dan kemampuan berkomunikasi pelajar. Ini bertepatan dengan kenyataan Oxford (1990) yang menerangkan bahawa SPB penting dikuasai oleh setiap pelajar kerana merupakan alat yang dapat membantu mereka aktif, belajar sendiri dan yang lebih penting membantu pelajar berkemampuan untuk berkomunikasi.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, kajian oleh Nik Mohd Rahimi (2005) mendapati bahawa antara faktor yang banyak membantu pelajar menguasai bahasa Arab dengan baik adalah melalui strategi pembelajaran yang berkesan. Kajian Anida (2003) juga menyokong pendapat bahawa penggunaan strategi telah meningkatkan kebolehan pelajar, keyakinan diri, minat dan sikap terhadap pembelajaran bahasa Arab. Kajian Sueraya (2010) pula mendapati pelajar-pelajar yang sedar tentang strategi pembelajaran dan menggunakan pelbagai strategi pembelajaran bahasa akan meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sebahagian besar pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) khususnya dalam aliran pendidikan Islam masih belum mampu menguasai kemahiran bertutur walaupun telah dapat pendedahan yang luas dalam bahasa Arab sejak berada di sekolah menengah. Menurut Naimah dan Aini (2005), walaupun pelajar-pelajar bahasa ketiga menerima pembelajaran secara formal pada peringkat sekolah, namun mereka masih lagi menghadapi masalah untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab yang dipelajari. Ab. Halim (2007) pula menyatakan bahawa penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar lepasan IPTA yang mengambil pengkhususan bahasa Arab tidak mencapai tahap kecekapan berbahasa yang baik.

Kajian-kajian terdahulu yang dilakukan penyelidik sebelum ini lebih tertumpu kepada kajian terhadap strategi pengajaran, kajian terhadap buku teks dan modul. Namun, kajian berhubung strategi pembelajaran dalam konteks pembelajaran bahasa Arab khususnya untuk kemahiran bertutur masih kurang dijalankan. Pengkaji hanya menemui beberapa kajian tentang strategi pembelajaran bahasa Arab seperti kajian Nurazan (2004), Zamri dan Mohamed Amin (2005), Nonglaksana (2007) dan Kamarul Shukri (2009).

Kamarul Shukri & Mohamed Amin (2010) menyatakan bahawa SPB Bahasa Arab adalah masih sedikit. Dalam konteks pembelajaran bahasa di Malaysia, kajian Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) lebih banyak dijalankan terhadap bahasa Inggeris seperti kajian oleh Soars (1995), Mohamed Amin (1996) dan Radha (1996). Kemudian, diikuti oleh bahasa Melayu seperti kajian Abu Talib (1998), Mohd. Nazali (1999) dan Zamri (2004). Oleh itu, kekurangan ini menyebabkan kajian SPB dalam pembelajaran bahasa Arab menjadi satu keperluan yang mendesak agar kita tidak ketinggalan dalam mengharungi kemajuan dan pembaharuan dalam bidang pembelajaran bahasa.

Tambahan pula, pengkaji mendapati kajian tentang SPB kemahiran bahasa masih kurang dijalankan. Lebih-lebih lagi, strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab. Pengkaji hanya menemui kajian Sueraya (2010) yang mengkaji SPB kemahiran bertutur bahasa Arab. Kajian tersebut mengemukakan Strategi Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab yang dilakukan oleh pelajar cemerlang kemahiran bertutur bahasa Arab. Strategi tersebut terbahagi kepada Strategi Di Dalam Kelas, Strategi Penggunaan Media, Strategi Penyertaan Dalam Aktiviti Ko-Kurikulum dan Strategi Bertutur Bersama Rakan. Pengkaji meneruskan kajian ini dengan mengemukakan satu lagi strategi iaitu Strategi Pembelajaran Kendiri (Personal) berdasarkan tinjauan literatur yang telah dilakukan.

MATLAMAT KAJIAN

Matlamat kajian ini adalah untuk menyelidik penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Bertutur Bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu jurusan Bahasa Arab (BAR) dan Ilmu Wahyu (IRK) di Pusat Asasi UIAM Petaling Jaya.

OBJEKTIF KAJIAN

Justeru itu, kajian ini bermatlamat menyelidik penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Kemahiran Bertutur Bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu jurusan Bahasa Arab (BAR) dan Ilmu Wahyu (IRK) di Pusat Asasi UIAM Petaling Jaya. Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i) Apakah strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab yang digunakan oleh pelajar-pelajar Melayu jurusan BAR dan IRK di Pusat Asasi UIAM dan bagaimanakah tahap penggunaannya?
- ii) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan strategi dengan pencapaian bahasa?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik. Instrumen ini dipilih bagi meninjau penggunaan strategi kemahiran bertutur bahasa Arab yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu jurusan Bahasa Arab dan Ilmu Wahyu di Pusat Asasi UIAM. Berdasarkan saranan kajian lepas, lima aspek Strategi Pembelajaran Kemahiran Bertutur telah dikenalpasti dan 75 item soalan telah digubal. Soal selidik ini dinilai oleh 3 orang pakar dan dibaiki seterusnya dilakukan kajian rintis kepada 30 orang pelajar sebelum melakukan kajian sebenar ke atas 163 responden. Hasil menunjukkan nilai kebolehpercayaan *cronbach alpha* bagi kesemua item strategi ialah antara (0.7- 0.9). Proses analisis data dibuat menggunakan perisian SPSS Versi 11 (*Statistical Packages for the Social Sciences*).

TINJAUAN LITERATUR

1- Kajian Tentang Permasalahan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab di Malaysia

Banyak kajian yang menyentuh kelemahan penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab di kalangan pelajar khususnya IPTA. Kelemahan ini amat mendukacitakan. Kelemahan yang ketara terletak pada perbendaharaan kata, morfologi, nahu (sintaksis) dan gaya bahasa (uslub) (Mat Taib, 2008). Zarima et.al (2008) pula menyifatkan bahawa kebanyakan pelajar lemah dalam pertuturan dan penulisan serta perasaan kurang yakin untuk bertutur dalam bahasa Arab.

Selain itu, kajian Tarmizi (1997), Ismail (1999), Anida (2003), Amilrudin (2003), Khalid (2004), Mohd. Zaidi (2005), Zawawi et.al (2005), Siti Iqbal (2006), Mat Taib (2006) dan Abd. Halim (2009) turut mengenengahkan kelemahan pelajar menguasai kemahiran bertutur walaupun telah mendapat pendedahan yang lama dalam pembelajaran bahasa Arab.

Kajian-kajian tersebut mendapati faktor-faktor yang menyumbang kepada kelemahan bertutur bahasa Arab ialah kurangnya latihan bertutur bahasa Arab, kekurangan perbendaharaan kata, ketiadaan rakan yang boleh mewujudkan suasana pertuturan dan aktif bertutur bahasa Arab, lemah di dalam tatabahasa Arab, ketiadaan persekitaran yang kondusif untuk mempraktikkan pertuturan bahasa Arab dan perasaan malu serta rendah diri yang membelenggu diri pelajar.

Kajian Abd. Halim (2009) juga mendapati faktor-faktor yang menghalang pelajar-pelajar bertutur di dalam bahasa Arab ialah malu bertutur dalam bahasa Arab, merasa rendah diri, tidak yakin pada diri sendiri, takut ditertawakan rakan, takut disindir rakan, tidak

bersemangat berkomunikasi dalam bahasa Arab dan takut melakukan kesilapan ketika menggunakan bahasa Arab.

Sueraya et.al (2010) dalam kajiannya di UIAM mendapati faktor-faktor lain yang menyumbang kepada permasalahan ini ialah kurangnya kesedaran tentang strategi pembelajaran bahasa (SPB) kemahiran bertutur bahasa Arab. Selain itu, persekitaran yang tidak membantu serta tidak menggunakan peluang untuk bertutur bahasa Arab turut merupakan faktor yang membawa kepada permasalahan ini.

2- Kajian Tentang Strategi Meningkatkan Kemahiran Bertutur

Zamri et.al (2010) telah menyenaraikan 15 item berkaitan strategi menguasai kemahiran bertutur ketika belajar BM dan BI semasa di dalam kelas, 15 item berkaitan strategi di luar kelas dan 7 item semasa peperiksaan. Strategi bertutur di dalam kelas (SLDK) merangkumi memberi perhatian dengan teliti semasa guru bertutur, memberi perhatian dengan teliti semasa rakan bertutur, bertutur tanpa mencampur aduk dengan bahasa asing/ dialek, memberanikan diri untuk bertutur semasa belajar bahasa, berfikir dahulu apa yang hendak dituturkan sebelum bertutur, sukarela menjawab pertanyaan guru walaupun tidak dipanggil memberi jawapan, memperbetulkan pertuturan dengan segera sekiranya terdapat kesilapan, meminta rakan mengulangi semula apa yang mereka tuturkan jika tidak memahaminya, menggunakan bahasa yang formal dengan tidak mencampuradukkan dengan bahasa asing apabila bertutur dengan guru dan rakan, meminta guru dan rakan memperbetulkan pertuturan jika terdapat kesilapan bertutur, bertutur satu persatu dengan jelas, banyak menyoal guru dan banyak berbincang dengan rakan.

Bagi strategi bertutur di luar kelas (STLK) pula, Zamri et.al (2010) menyenaraikan 15 strategi iaitu bercakap dengan ibu bapa menggunakan BI yang betul, bersoal jawab dengan ibu bapa menggunakan BI yang betul, meminta ibu bapa/ keluarga untuk mendengar dan memperbaiki pertuturan, bertutur dengan rakan-rakan menggunakan BI yang betul, meminta rakan mendengar dan memperbaiki pertuturan, melihat bagaimana rakan bertutur, berlatih bertutur di hadapan cermin, mendengar aktiviti pertandingan bahasa, melihat cara-cara rakan bertutur ketika menyertai aktiviti bahasa, mendengar cara juruhebah radio dan televisyen menyampaikan berita, bertutur dalam bahasa formal agar memudahkan orang lain memahami apa yang dituturkan, mengikuti kelas tuisyen, meminta guru tuisyen membaiki cara pertuturan dan banyak melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan dalam kumpulan.

3- Kajian Tentang Strategi Meningkatkan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab

Kajian oleh Sueraya et.al (2010) telah membahagikan strategi meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab kepada dua iaitu strategi di dalam kelas dan strategi di luar kelas. Kajian tersebut menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah temubual yang membandingkan strategi pembelajaran kemahiran bertutur pelajar cemerlang bahasa atau MGAS (Malay good arabic speaker) dan pelajar lemah bahasa atau MPAS (Malay poor arabic speaker).

Strategi di dalam kelas merujuk strategi semulajadi atau usaha sendiri pelajar untuk meningkatkan kemahiran bertutur mereka seperti mengumpul perbendaharaan kata yang baru, mengesan kesalahan tatabahasa dalam pertuturan pensyarah, meniru sebutan perkataan Arab, membandingkan perbezaan ungkapan bahasa Arab yang diucapkan oleh pensyarah yang berbeza negara seperti Arab, Melayu dan mereka yang lahir di Timur Tengah. Di samping itu juga, hasil temubual mendapati pendekatan yang digemari oleh pelajar cemerlang bahasa ialah membaca teks, bertanya dan menjawab soalan, banyak mendengar syair-syair Arab dan menghafal syair tersebut.

Menurut Sueraya lagi, walaupun strategi penglibatan di dalam kelas tersebut memerlukan komunikasi lisan, tetapi ia tidak akan menjadi efektif dan berkesan sekiranya tidak melibatkan huraian oleh pelajar itu sendiri. Huraian tersebut bermaksud pelajar menghuraikan sesuatu isi bukan hanya mengambil idea daripada buku, tetapi memberi pandangan dan respon kepada pensyarah dalam bentuk perbincangan, memberikan huraian dan komen daripada idea mereka sendiri. Strategi di luar kelas pula seperti menggunakan media, menyertai aktiviti ko-kurikulum dan mempraktikkan pertuturan bahasa Arab bersama rakan-rakan.

Hasil kajian tersebut mendapati penggunaan strategi pembelajaran di dalam dan di luar kelas mampu meningkatkan tahap pertuturan bahasa Arab pelajar. Kajian juga menunjukkan perbezaan strategi dan sikap pelajar *MGAS* dan *MPAS* dalam meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab. Ini berdasarkan kesimpulan bahawa untuk menjadi *MGAS*, seseorang pelajar itu mestilah mempunyai pengetahuan tentang bentuk dan fungsi bahasa iaitu perbendaharaan kata, tatabahasa dan mahir bertutur. Pengetahuan terhadap tiga perkara ini akan melahirkan sifat berani, yakin diri dan seterusnya menerbitkan minat untuk mempraktikkan pertuturan bahasa Arab. Sikap yang terbentuk itu akan meningkatkan pula penggunaan strategi seterusnya melahirkan pelajar yang mahir bertutur dalam bahasa Arab.

Kaseh et.al (2010) dalam kajian strategi pembelajaran sendiri (التعلم الذاتي) telah menyenaraikan pembelajaran sendiri bahasa Arab di Malaysia dan menyenaraikan beberapa

item soal selidik tentang motivasi dalaman antaranya membayangkan diri berada di negara Arab dan berkomunikasi dengan orang tempatan dalam bahasa Arab dengan berkesan, melibatkan penggunaan bahasa Arab dalam perkara-perkara yang hendak dilakukan, membayangkan diri bertutur dalam bahasa Arab dengan orang Arab yang berada di Malaysia, membayangkan diri menulis e-mail dalam bahasa Arab dengan penutur asli, membayangkan diri sendiri bertutur dalam bahasa Arab seolah-olah diri adalah penutur asal bahasa Arab, membayangkan diri bertutur bahasa Arab setiap kali memikirkan kerjaya di masa hadapan dan membayangkan diri saya sebagai seorang yang cekap bertutur bahasa Arab. Kajian ini mencadangkan agar para pelajar mesti mempunyai pengetahuan tentang strategi pembelajaran bahasa selain motivasi dalaman untuk meningkatkan kemahiran bahasa Arab.

4-Kajian Tentang Hubungan Antara Penggunaan Strategi Dengan Tahap Penguasaan Bahasa Pelajar.

Selain itu, terdapat banyak kajian tentang hubungan antara penggunaan strategi pembelajaran bahasa dengan pencapaian bahasa seseorang pelajar. Antaranya kajian oleh Mohamed Amin (1996,2000,2006) yang dilakukan bagi mengenalpasti jenis strategi yang dilakukan oleh pelajar sekolah menengah ketika mempelajari Bahasa Inggeris. Kajian tersebut mendapati terdapat hubungan antara penggunaan SPB dengan kejayaan pembelajaran bahasa. Seramai 515 orang telah memberikan respon terhadap soalselidik dan 108 orang pelajar telah berjaya ditemubual. Antara dapatan kajian tersebut ialah wujudnya kesignifikan variasi antara penggunaan strategi secara keseluruhan oleh pelajar berdasarkan penguasaan bahasa, jantina dan penggunaan BI di luar kelas.

Selain itu, kajian Anida (2003) telah mengkaji SPB Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu. Fokus kajian ini ialah mengkaji perbezaan kekerapan penggunaan strategi antara subjek, jenis strategi yang dipilih dan kesannya ke atas minat dan pencapaian responden. Responden terdiri daripada 97 pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Arab. Ujian Kolerasi Spearman menunjukkan hubungan yang signifikan antara penggunaan strategi dengan persepsi subjek terhadap Bahasa Arab. Seterusnya, hasil ujian kolerasi Pearson yang menunjukkan hubungan yang kuat antara penggunaan strategi dan pencapaian telah mengukuhkan lagi fenomena ini. Responden yang tidak menggunakan strategi didapati tidak mampu menguasai Bahasa Arab, tidak tahu cara belajar berkesan, kurang berminat, kecewa akibat kesukaran pembelajaran yang dihadapi serta tidak jelas tujuan dan faedah mempelajari bahasa Arab.

Walaupun bagaimanapun, terdapat juga kajian yang mendapati tiada hubungan signifikan antara penggunaan SPB dengan tahap pencapaian bahasa pelajar seperti kajian Nurazan (2004). Kajian yang menggunakan SILL ini melibatkan seramai 186 orang pelajar diploma pelbagai bidang di Universiti Sultan Zainal Abidin (dahulunya UDM). Seramai 88 orang responden adalah pelajar jurusan Pengajian Islam yang mengikuti kursus-kursus bahasa Arab yang ditawarkan oleh Sekolah Pengajian Islam. Kajian tersebut mendapati penggunaan SPB pelajar secara keseluruhan adalah pada tahap sederhana serta tiada hubungan signifikan antara penggunaan SPB dengan pencapaian bahasa Arab.

DAPATAN KAJIAN

Objektif 1: Bagaimanakah penggunaan Strategi Pembelajaran kemahiran Bertutur Bahasa Arab dan apakah tahap penggunaannya?

Untuk menjawab objektif kajian yang pertama, dua aspek penggunaan strategi pelajar-pelajar UIAM dikemukakan, iaitu;

- i. Penggunaan strategi pelajar mengikut item strategi
- ii. Penggunaan strategi pelajar mengikut kumpulan strategi
- iii. Penggunaan strategi pelajar mengikut keseluruhan strategi

Bagi melihat tahap penggunaan strategi, min penggunaan strategi pelajar telah dikelaskan kepada tiga tahap penggunaan, iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Dalam SILL, min bagi penggunaan strategi responden dalam julat 3.5 hingga 5.0 dikategorikan sebagai tahap penggunaan tinggi, julat 2.5 hingga 3.4 sebagai tahap penggunaan sederhana dan julat 1.0 hingga 2.4 sebagai tahap penggunaan rendah. (Oxford & Burry-Stock 1995).

i. Penggunaan strategi pelajar mengikut item strategi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa item 66 - saya berdoa agar Allah mempermudah saya bertutur bahasa Arab' memperoleh min skor tertinggi iaitu (4.20). Item 51- Saya membaca al-Quran setiap hari untuk memperbetul dan melancarkan sebutan saya' memperoleh min kedua tertinggi (3.98), manakala item 69, saya mempersiapkan diri untuk menerima sebarang teguran daripada pensyarah dan rakan terhadap kesalahan bahasa yang dituturkan dan berusaha memperbaikinya mendapat min ketiga tertinggi iaitu 3.86.

Item yang memperoleh min skor terendah pula ialah item 60 – Saya tinggal bersama rakan berbangsa Arab di asrama dengan skor min (1.48). Item 11 pula, saya duduk

bersebelahan dengan penutur asal (rakan berbangsa Arab) memperoleh min kedua terendah iaitu (1.62). Manakala item yang memperoleh min ketiga rendah (1.76) ialah – saya menyertai pasukan debat bahasa Arab untuk meningkatkan kemahiran bertutur.

ii. Penggunaan strategi pelajar mengikut kumpulan strategi

Kumpulan Strategi Dalam Kelas mendapat min tertinggi (3.08), diikuti oleh kumpulan Strategi Bersama Rakan (2.94), kumpulan Strategi Personal (2.80), kumpulan Strategi Penggunaan Media (2.55) dan akhir sekali kumpulan Strategi Penyertaan Ko-Kurikulum (2.37). Kajian mendapati bahawa tiada kumpulan strategi yang digunakan pada tahap penggunaan tinggi. Kesemua kumpulan strategi digunakan pada tahap sederhana (2.5-3.5) kecuali kumpulan Strategi Penyertaan Ko-Kurikulum digunakan pada tahap rendah (1.0-2.4).

iii. Penggunaan strategi pelajar secara keseluruhan

Dalam kajian ini, min bagi penggunaan strategi pelajar secara keseluruhan ialah 2.79 (tahap penggunaan strategi sederhana) dengan 74 pelajar (45.4%) menunjukkan min penggunaan strategi secara keseluruhan dalam julat penggunaan sederhana, 24 pelajar (14.7%) dengan tahap penggunaan strategi yang tinggi, dan 61 pelajar (37.4%) menunjukkan tahap penggunaan yang rendah.

Objektif 2: Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan strategi dan pencapaian bahasa?

Keputusan analisis Ujian Korelasi menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan antara penggunaan strategi penggunaan media dan strategi pembelajaran sendiri (personal), manakala tidak terdapat hubungan yang signifikan antara strategi dalam kelas, strategi bertutur bersama rakan dan strategi penyertaan dalam aktiviti ko-kurikulum.

Berdasarkan keputusan analisis ini, pengkaji menolak hipotesis nul dan melaporkan bahawa hanya strategi penggunaan media dan strategi pembelajaran sendiri (personal) mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian bahasa. Manakala, strategi di dalam kelas, strategi bertutur bersama rakan dan strategi penyertaan dalam aktiviti ko-kurikulum tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian bahasa pelajar.

STRATEGI PENGGUNAAN MEDIA

H₀: Tidak terdapat hubungan yang wujud antara Pencapaian Ujian Kemahiran Bahasa Arab dengan strategi penggunaan media.

H₁: Terdapat hubungan yang wujud antara Pencapaian Ujian Kemahiran Bahasa Arab dengan strategi strategi penggunaan media.

Aras keertian, $\alpha=0.05$

Ujian statistik, $\chi^2(9,N=163)=27.510$

Nilai-p = 0.007

Chi-Square Tests

	Value	Df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	27.510 ^a	12	.007
Likelihood Ratio	21.908	12	.039
Linear-by-Linear Association	3.299	1	.069
N of Valid Cases	163		

a. 12 cells (60.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .01.

Keputusan: Tolak H₀ kerana nilai $p < 0.05$. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang wujud antara Pencapaian Ujian Kemahiran Bahasa Arab dengan strategi strategi penggunaan media.

STRATEGI PERSONAL

H₀: Tidak terdapat hubungan yang wujud antara Pencapaian Ujian Kemahiran Bahasa Arab dengan strategi personal.

H₁: Terdapat hubungan yang wujud antara Pencapaian Ujian Kemahiran Bahasa Arab dengan strategi strategi personal.

Aras keertian, $\alpha=0.05$

Ujian statistik, $\chi^2(9,N=163)=25.111$

Nilai-p = 0.014

Chi-Square Tests

	Value	Df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	25.111 ^a	12	.014
Likelihood Ratio	22.219	12	.035
Linear-by-Linear Association	.065	1	.798
N of Valid Cases	163		

a. 11 cells (55.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .01.

Keputusan: Tolak H_0 kerana nilai $p < 0.05$. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang wujud antara Pencapaian Ujian Kemahiran Bahasa Arab dengan strategi personal.

STRATEGI BERTUTUR BAHASA ARAB DI DALAM KELAS

H_0 : Tidak terdapat hubungan yang wujud antara Pencapaian Ujian Kemahiran Bahasa Arab dengan strategi bertutur bahasa Arab di dalam kelas.

H_1 : Terdapat hubungan yang wujud antara Pencapaian Ujian Kemahiran Bahasa Arab dengan strategi bertutur bahasa Arab di dalam kelas.

Level of significant, $\alpha=0.05$

Ujian statistik, $\chi^2(9, N=163)=11.170$

Nilai-p = 0.264

Chi-Square Tests

	Value	Df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	11.170 ^a	9	.264
Likelihood Ratio	9.261	9	.414
Linear-by-Linear Association	2.096	1	.148
N of Valid Cases	163		

a. 7 cells (43.8%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .01.

Keputusan: Terima H_0 kerana nilai $p > 0.05$. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang wujud antara Pencapaian Ujian Kemahiran Bahasa Arab dengan strategi bertutur bahasa arab di dalam kelas.

STRATEGI PENYERTAAN DI DALAM AKTIVITI KO-KURIKULUM

H_0 : Tidak terdapat hubungan yang wujud antara Pencapaian Ujian Kemahiran Bahasa Arab dengan strategi penyertaan di dalam aktiviti ko-kurikulum.

H_1 : Terdapat hubungan yang wujud antara Pencapaian Ujian Kemahiran Bahasa Arab dengan strategi strategi penyertaan di dalam aktiviti ko-kurikulum.

Aras keertian, $\alpha=0.05$

Ujian statistik, $\chi^2(9,N=163)=8.521$

Nilai-p = 0.743

Chi-Square Tests

	Value	Df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	8.521 ^a	12	.743
Likelihood Ratio	8.008	12	.785
Linear-by-Linear Association	1.833	1	.176
N of Valid Cases	163		

a. 10 cells (50.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .04.

Keputusan: Terima H_0 kerana nilai $p > 0.05$. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang wujud antara Pencapaian Ujian Kemahiran Bahasa Arab dengan strategi penyertaan di dalam aktiviti ko-kurikulum.

STRATEGI KETIKA BERTUTUR BAHASA ARAB BERSAMA RAKAN

H_0 : Tidak terdapat hubungan yang wujud antara Pencapaian Ujian Kemahiran Bahasa Arab dengan strategi ketika bertutur bahasa Arab bersama rakan.

H_1 : Terdapat hubungan yang wujud antara Pencapaian Ujian Kemahiran Bahasa Arab dengan strategi strategi ketika bertutur bahasa Arab bersama rakan.

Aras keertian, $\alpha=0.05$

Ujian statistik, $\chi^2(9,N=163)=10.123$

Nilai-p = 0.341

Chi-Square Tests

	Value	Df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	10.123 ^a	9	.341
Likelihood Ratio	11.550	9	.240
Linear-by-Linear Association	1.933	1	.164
N of Valid Cases	163		

a. 7 cells (43.8%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .01.

Keputusan: Terima H_0 kerana nilai $p > 0.05$. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang wujud antara Pencapaian Ujian Kemahiran Bahasa Arab dengan strategi ketika bertutur bahasa Arab bersama rakan.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan yang diperoleh menerusi analisis data, beberapa kesimpulan boleh dikemukakan mengikut objektif kajian:

Pertama, kajian ini mendapati bahawa tahap penggunaan strategi pelajar secara keseluruhan adalah sederhana. Daripada 75 strategi yang disenaraikan, hanya 11 item strategi menunjukkan tahap penggunaan tinggi. Lebih-lebih lagi, strategi-strategi yang menunjukkan penggunaan tinggi ini melibatkan strategi-strategi yang biasa digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab yang tidak memerlukan usaha yang lebih seperti strategi berdoa agar Allah mempermudah pertuturan bahasa Arab, membaca al-Quran setiap hari untuk memperbetul dan melancarkan sebutan bahasa Arab serta mempersiapkan diri untuk sebarang risiko atau kesukaran yang dihadapi ketika bertutur bahasa Arab.

Kedua, meneliti 27 item strategi yang menunjukkan tahap penggunaan rendah, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan strategi ini melibatkan usaha, inovasi serta kreativiti pelajar sendiri seperti membayangkan diri berada di negara Arab dan berkomunikasi dengan orang tempatan secara berkesan, membaca dan menggunakan bahan-bahan berbahasa Arab untuk hiburan, memperbanyak aktiviti mendengar pertuturan penutur asli secara intensif, menterjemah di dalam minda apa yang didengari seperti berita ke dalam bahasa Arab dan memberikan pendapat, ulasan, komen atau huraian tentang sesuatu topik yang diperbincangkan.

Ketiga, kumpulan strategi yang memperolehi min penggunaan strategi tertinggi ialah strategi pembelajaran bertutur di dalam kelas, manakala strategi yang mendapat min penggunaan strategi terendah ialah strategi penyertaan aktiviti ko-kurikulum. Kajian juga mendapati tiada kumpulan strategi yang digunakan pada tahap tinggi. Kesemua kumpulan tersebut digunakan pada tahap sederhana iaitu min (2.5-3.5). Banyak faktor yang boleh diandaikan daripada dapatan ini. Antaranya, para pelajar mungkin sudah biasa menjadikan guru sebagai pembekal maklumat yang menjadikan proses pembelajaran berlaku di dalam kelas sahaja. Kurangnya penggunaan strategi di luar kelas seperti penyertaan aktiviti ko-kurikulum mungkin disebabkan kurangnya perhatian pelajar terhadap aktiviti komunikatif seperti menyertai Kelab Debat Bahasa Arab yang menjurus kepada penggunaan bahasa secara langsung.

Keempat, kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan strategi media dan strategi pembelajaran sendiri (personal) terhadap pencapaian bahasa. Oleh itu, para pendidik hendaklah memperbanyakkan penggunaan media dalam pembelajaran kerana ia merupakan medium pembelajaran yang menyeronokkan serta terbukti membantu meningkatkan kemahiran bertutur pelajar Pusat Asasi UIAM. Usaha pihak CELPAD amnya dan Jabatan Bahasa Arab khususnya mewujudkan sistem pembelajaran berasaskan e-pembelajaran melalui *MYARABIC* merupakan usaha yang harus diperluaskan penggunaannya memandangkan ia di antara strategi penggunaan media yang memberi peluang pelajar melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran kemahiran bertutur.

Kelima, strategi pembelajaran sendiri (personal) juga dikenalpasti sebagai strategi yang membantu meningkatkan pencapaian bahasa pelajar UIAM. Oleh itu, para pendidik haruslah memberikan pendedahan kepada pelajar tentang strategi personal, memandangkan pelajar

lebih terdedah dengan strategi dalam kelas yang lebih mengharapkan bantuan dan pergantungan kepada guru. Pengetahuan tentang strategi personal akan membantu pelajar bersifat berautonomi, mempunyai inisiatif sendiri serta mampu menggunakan strategi pembelajaran yang bersesuaian dengan objektif pembelajaran mereka.

PENUTUP

Pengkaji berharap agar kajian ini akan memberikan manfaat kepada pelajar dan juga pengajar. Dalam bidang pembelajaran bahasa Arab, pelajar yang didedahkan dengan pelbagai strategi ternyata mampu meningkatkan kebolehan bahasa. Pengetahuan tentang strategi-strategi pembelajaran bahasa kemahiran bertutur mampu menarik minat pelajar untuk mengaplikasikannya dalam pembelajaran. Selain itu, penggunaan strategi yang tepat dan bersesuaian akan melahirkan pelajar bahasa yang bijak dalam mengendalikan pembelajaran bahasa. Apa yang penting, penggunaan strategi dalam pembelajaran kemahiran bertutur menjadikan pembelajaran bahasa Arab lebih mudah dan menyeronokkan sekaligus menolak tanggapan bahawa bahasa Arab sukar dipelajari. Strategi penggunaan media dan strategi pembelajaran sendiri (personal) telah dikenalpasti sebagai strategi meningkatkan kemahiran bertutur di kalangan pelajar Pusat Asasi UIAM.

Oleh itu, penggunaan media sebagai medium pengajaran dan pembelajaran hendaklah digunakan seoptima mungkin dan strategi pembelajaran sendiri hendaklah didedahkan kepada para pelajar agar pelajar lebih berautonomi, tidak bergantung dan mengharapkan segala maklumat daripada guru semata-mata. Semoga kajian ini memberi sumbangan terhadap aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad. 2007. Masalah Komunikasi Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Bachelo Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam Ke-4 2007*.
- Ab. Halim Mohammad. 2009. *Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia*. Journal of Islamic and Arabic Education 1(1).
- Anida Abd.Rahim. 2003. *Strategi Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, K.Lumpur.

- Chua Yan Piaw. 2009. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan (Buku 1)*, K.L: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Ismail Ibrahim. 1994. Pengajian dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi Malaysia. Dlm. Abdul Halim el-Muhammady (Pnyt). *Pendidikan Islam dalam pembangunan ummah*, Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn.Bhd.
- Kamarul Shukri Mat Teh. 2009. *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Shukri Mat & Mohamed Amin Embi. 2010. *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kaseh Abu Bakar, Nik Farakh Sulaiman & Zeti Akhtar Muhammad Rifaai. 2010. *Self-Determination Theory And Motivational Orientations of Arabic Learners: A Principal Component Analysis*. GEMA Online Journal of Language Studies. Volume 10 (1) 2010.
- Lessard Clouston.M. 1997. *Language Learning Strategies: An Overview For L2 Teachers*. Japan: Kwansai Gakuin University Press.
- Mat Taib Pa. 2008. Isu-isu pengajaran bahasa dan kesusasteraan Arab di institut pengajian tinggi. *Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam, FPI UKM.
- Naimah, A., & Aini, A. (Cartographer). 2005. *Kajian tentang persepsi pelajar UiTM terhadap kepentingan bahasa ketiga di UiTM*.
- Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. 2005. *Penilaian Kemahiran Mendengar Dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi*. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nonglaksana Kama. 2007. *Istratijiyyat Ta'allum al-Lughah wa 'Alaqtuha bi alakhta' al-Lughawiyah li Muta'allimi al-Lughah al-Arabiyyah fi al-Jami'ah al-Islamiyyah al-'Alamiyyah fi Maliziya: Dirasah Tahliliyyah*. Tesis PhD. UIAM
- Nurazan Mohmad Rouyan. 2004. *Strategi Pembelajaran Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian di KUSZA*. Disertasi Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- O' Malley, J.M & Chamot, A.U. 1990. *Learning strategies in second language acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Osman Khalid. 1994. Pengajian dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi Malaysia. Dlm. Abdul Halim el-Muhammady (Pnyt). *Pendidikan Islam dalam pembangunan ummah*, Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn.Bhd.
- Oxford, R.L. 1990. *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House Publishers.

- Sueraya Che Haron et.al. 2010. Understanding Arabic-Speaking Skill Learning Strategies Among Selected Malay Learners: A Case-Study At The International Islamic University Malaysia (IIUM). *Contemporary Issues in Education Research; Aug 2010; ProQuest Education Journals*.
- Wenden, A.L & Rubin, J.eds. 1987. *Learner strategies in language learning*. New Jersey: Prentice Hall.
- Zarima Mohd, Zakaria & Taj Rijal Muhd.Ramli. 2008. Sejarah perkembangan program minor bahasa Arab di Fakulti Bahasa UPSI. *Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam, FPI UKM.
- Zamri Mahamod dan Mohamed Amin Embi. 2005. *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Untuk Menguasai Kemahiran Membaca*. Jurnal Teknologi, 42(E) .UTM.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2010. *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris Pelajar Cemerlang*. Bangi: Penerbit UKM.